



MANSOR menunjukkan pokok bakau yang musnah disebabkan hakisan di jeti nelayan Perpat Timbul Serkat, Pontian.

KAPAL-KAPAL besar yang melalui perairan Tanjung Piai menyebabkan gelombang ombak kuat menyebabkan pokok-pokok bakau musnah.

Pelbagai usaha dilakukan bagi memulihara Taman Negara Tanjung Piai

Ancaman hakisan masih berlaku

PONTIAN - Ancaman hakisan masih berlaku di beberapa buah kampung di Mukim Serkat, Pontian, dekat sini walaupun kerajaan sudah mengambil pelbagai langkah sejak 30 tahun lalu bagi mengurangkan kesannya.

Pelaksanaan Projek Rancangan Johor Barat (RJB) pada tahun 1975 di kawasan Pontian telah banyak menyelamatkan tanah-tanah daripada ancaman hakisan dengan adanya pembinaan benteng di sepanjang pantai.

Bagaimanapun, ancaman hakisan masih berlaku berdasarkan kepada pokok-pokok bakau yang mati yang dapat dilihat di jeti nelayan seperti di Perpat Timbul, Pengkalan Nelayan Tanjung Piai, Pengkalan Ne-

layan Parij Penghulu dan sebagainya.

Seorang nelayan, Mansor Mahidin, 70, mendakwa salah satu punca berlaku hakisan pantai ialah berlakunya kegiatan perkapalan yang banyak di perairan Tanjung Piai dengan adanya Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP).

Katanya, kapal-kapal besar yang melalui perairan Tanjung Piai menyebabkan berlakunya alunan ombak kuat sekali gus memusnahkan pokok-pokok bakau yang selama ini menjadi sebagai pelindung pantai.

"Tanjung Piai adalah pertemuan tiga arus iaitu Selat Johor, Selat Melaka dan Selat Singapura yang sentiasa sibuk dengan lalu-lalu kapal-kapal dagang pada

setiap masa," katanya kepada Kosmo/Ahad baru-baru ini.

Tambah Mansor, pelaksanaan tebing pemecah ombak di Tanjung Piai, telah mengurangkan tekaman ombak seterusnya hakisan dapat dikurangkan.

"Selain kehadiran kapal-kapal dagang, faktor lain menyebabkan hakisan itu, termasuk air pasang besar yang berlaku dua kali dalam sebulan serta tempoh kritikal fenomena itu antara Oktober hingga Februari setiap tahun," ujarnya.

Katanya, pembinaan benteng penting bagi menghalang berlakunya hakisan pantai serta menyelamatkan perkampungan yang berhampiran seperti di Kampung Perpat Timbul dan Kampung Tanjung Piai di sini.

Menurut Mansor, pihaknya berterima kasih dengan kerajaan yang sentiasa prihatin dengan nasib para nelayan yang kini telah beralih sebagai petani dan penternak bagi meneruskan ke-
langsungan hidup.

"Sebagai contoh bagi memelamatkan Taman Negara Tanjung Piai daripada ancaman hakisan yang kehilangan 7 meter tanah pantai setiap tahun, kerajaan telah membina benteng pemecah dengan kos RM80 juta pada 2014," jelasnya.

Bagi Jamadin Atan, 58, pula berkata, masalah hakisan tidak menjejaskan penempatan penduduk di Tanjung Piai kerana jauh dari kawasan pantai, namun kesan lain ialah semakin kurang kawasan tangkapan ikan.

Katanya, para nelayan tidak menghalang projek yang dilakukan oleh pihak berkuasa untuk mencegah hakisan pantai kerana ianya merupakan tanggungjawab kepada semua pihak termasuk sektor pelancongan.

Katanya, ini amat bertepatan kerana Tanjung Piai dikenali dengan Taman Negara yang menjadi tumpuan dari seluruh dunia untuk melihat sendiri Titik Penghujung Benua Asia di kawasan tersebut.

"Kami berharap masalah hakisan yang berlaku di Tanjung Piai tidak akan memberikan kesan jangka panjang kepada nelayan yang bergantung hidup kepada hasil tangkapan laut dengan adanya langkah-langkah pengawalan," jelasnya.